

NCC3002

SULIT

**UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU****PEPERIKSAAN AKHIR****SEMESTER II SESI 2018/2019 (PROGRAM SARJANA MUDA)**

NAMA KURSUS	:	ISLAM DAN IDEOLOGI MASAKINI
KOD KURSUS	:	NCC3002
TARIKH	:	19/06/2019 (RABU)
TEMPAT	:	DEWAN SULTAN MIZAN (DSM)
MASA	:	03.00 – 05.00PM (2 JAM)

NO. MATRIK	:	_____
NAMA PROGRAM	:	_____
NO. MEJA	:	_____

ARAHAN KEPADA CALON

- i. Sila jawab semua soalan dalam **Bahagian A** dan pilih 4 soalan dalam **Bahagian B**
- ii. Sila hitamkan jawapan anda pada ruangan yang sepadan di atas kertas jawapan objektif dalam Bahagian A
- iii. Sila jawab soalan dalam Bahagian B menggunakan Buku Jawapan yang diberikan

JANGAN BUKA BUKU SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU
KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 13 MUKASURAT BERCETAK

BAHAGIAN A

1. Perkataan 'Deen' lebih sesuai diertikan dengan
 - A. ideologi
 - B. cara hidup
 - C. kepercayaan
 - D. penghayatan

2. Berikut merupakan ciri-ciri keunggulan dalam Islam, **kecuali**
 - A. *alamiyyah*
 - B. *wasatiyyah*
 - C. *rububiyah*
 - D. *syumuliyah*

- | |
|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <ul style="list-style-type: none"><input type="radio"/> <i>Al-Ghoyah</i><input type="radio"/> <i>Al-Wijhah</i><input type="radio"/> <i>Al-Masdar</i> |
|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

3. Pernyataan di atas merupakan beberapa jenis keunggulan Islam yang merujuk kepada
 - A. *murunah*
 - B. *waq'iyyah*
 - C. *rabbaniyyah*
 - D. *syumuliyah*

4. Syariah merupakan peraturan dan perundangan yang membentuk kehidupan manusia. Kecerdasan _____ sering dikaitkan dengan keperluan melaksanakan syariah dalam kehidupan seorang Muslim.
 - A. emosi
 - B. rohani
 - C. intelek
 - D. jasmani

- | | |
|-----------------------------|---------------------------------|
| <input type="radio"/> Agama | <input type="radio"/> Nyawa |
| <input type="radio"/> Aqal | <input type="radio"/> Keturunan |
| <input type="radio"/> Harta | |

5. Pilih jawapan yang paling tepat berdasarkan kesesuaian keperluan bagi memenuhi *Maqasid Syariah*?

- A. *wajibat*
- B. *hajiyyat*
- C. *daruriyyat*
- D. *Tahsiniyyat*

- | |
|---------------------------------------------------------|
| <input type="radio"/> Menepati kehendak syara' |
| <input type="radio"/> Niat ikhlas kerana Allah |
| <input type="radio"/> Tidak meninggalkan kewajipan asas |

6. Pilih jawapan yang paling tepat berdasarkan ciri-ciri yang disenaraikan adalah merupakan sebahagian daripada beberapa syarat _____

- A. sesuatu amalan dianggap wajib
- B. sesuatu amalan menjadi ibadah
- C. sesuatu amalan disukai orang ramai
- D. sesuatu amalan menepati akhlak Islam

7. Berikut merupakan perbezaan al-Quran dengan Hadis Qudsi, **kecuali**

- i. sumber rujukan umat islam
- ii. makna dan bahasanya daripada allah
- iii. menjelaskan peraturan hidup umat islam
- iv. merupakan Mukjizat yang diturunkan kepada Nabi Muhammad S.A.W.

- A. *i dan ii*
- B. *i dan iii*
- C. *ii dan iv*
- D. *iii dan iv*

8. Hadis merupakan sumber rujukan selepas al-Quran bagi umat Islam. Pilih urutan jenis hadis mengikut keutamaan.

- i. *dhaif*
- ii. *mutawatir*
- iii. *sahih*
- iv. *maudu'*

- A. i, ii, iii dan iv
- B. ii, i, iv dan iii
- C. ii, iv, i dan iii
- D. ii, iii, i, dan iv

- Kekuatan ghaib.
 - Keyakinan manusia.
 - Respon yang bersifat emosional dari manusia.

9. Pernyataan di atas merupakan beberapa ciri tentang perbezaan di antara _____

- A. budaya dengan adat
- B. agama dengan falsafah
- C. ideologi dengan pemikiran
- D. Pemikiran dengan falsafah

- Kedudukan manusia sebaik-baik kejadian.
 - Islam menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkaran.
 - Islam menjamin hak asasi manusia.

10. Berikut merupakan beberapa prinsip yang menggambarkan tentang _____

- A. *thabat*
- B. *alamiyyah*
- C. *waqiiyyah*
- D. *syumuliiyyah*

- ⊙ Menimbulkan perasaan syak terhadap kebenaran, dan kesucian Islam
- ⊙ Menanam kefahaman salah dan terpesong dari pemahaman sebenar terhadap Islam
- ⊙ Mengkritik isu-isu khayalan yang mereka cipta sendiri yang dikaitkan dengan Islam seperti isu *terrorist*.

11. Pernyataan-pernyataan di atas merupakan perancangan untuk
- A. membuktikan kebenaran Islam
 - B. menyerang pemikiran umat Islam
 - C. menyebarkan kebaikan fahaman Islam moden
 - D. meyakinkan asas kewujudan New World Order

“sebuah organisasi sulit terhasil dari gabungan pertubuhan kaum pagan khususnya Kabbalah-Yahudi dan kaum Kristian yang murtad dari agama mereka”

12. Pernyataan di atas menerangkan tentang pertubuhan
- A. Zionis
 - B. Jasuit
 - C. Illuminati
 - D. Freemason
13. Sejarah Palestin menjelaskan terdapat suku ke-13 selain daripada 12 suku kaum Bani Israel, iaitu
- A. Kan'an
 - B. Yahudi
 - C. Semitik
 - D. Khazariah

“Badan bebas dan berdaulat yang mentadbir Freemason di sesebuah negara, negeri atau kawasan”

14. Badan bebas yang dimaksudkan dalam pernyataan di atas ialah
- A. Sea Lodge
 - B. Grand Lodge
 - C. Pluribus Unum
 - D. Novus Ordo Seclorum

- Ⓒ Ideologi ini berpusatkan kepada nilai manusia dalam membuat keputusan.
- Ⓒ Berasal daripada doktrin Kabbalah yang berasal daripada Mesir Kuno.
- Ⓒ Fahaman ini telah muncul lebih awal daripada falsafah Yunani

15. Pernyataan di atas merujuk kepada aliran pemikiran
- A. Illuminati
 - B. Freemason
 - C. Humanisme
 - D. Sekularisme
16. Golongan _____ merupakan kelompok yang membawa idea mengenai individu adalah penentu segalanya termasuk kebenaran.
- A. Pagan
 - B. Sophist
 - C. Wisdom
 - D. Knight Templar
17. Pada awal abad ke-15, golongan _____ muncul sebagai sarjana barat yang paling awal di Eropah.
- A. Liberal
 - B. Sekular
 - C. Rasional
 - D. Humanis
18. Eropah melalui evolusi politik, dari politik teokrasi kepada politik demokrasi. Rakyat yang sebelum ini mengikut kuasa _____ berubah dengan mengikut kuasa tuan tanah yang melibatkan semua rakyat.
- A. gereja
 - B. diktator
 - C. monarki
 - D. birokrasi

"ideologi yang meyakini bahawa segala pengetahuan dapat diraih oleh manusia melalui akal fikirannya semata-mata, kerana segala sesuatu tidak terbatas bagi akal manusia"

19. Pernyataan di atas menggambarkan tentang ideologi
- A. Idealisme
 - B. Liberalisme
 - C. Empirisme
 - D. Rasionalisme
20. Pendekatan _____ menolak agama, mitos dan metafizik sebagai sumber ilmu pengetahuan dan menggantikannya dengan keupayaan intelek manusia sebagai pembentuk ilmu.
- A. Liberal
 - B. Rasional
 - C. Pragmatik
 - D. Tradisional
21. Pendekatan _____ dianggap serasi bagi memenuhi tuntutan konsep kemajuan moden.
- A. sains
 - B. wahyu
 - C. agama
 - D. falsafah

- Pemikiran teori yang menguasai dunia moden
- Pemikiran falsafah yang menentukan pandangan manusia
- Perkembangan ilmu yang mengubah imej kehidupan dengan perubahan budaya

22. Pernyataan di atas merujuk kepada
- A. anjakan paradigma dalam berfikir
 - B. sumbangan ilmu terhadap kehidupan
 - C. perubahan pandangan hidup tentang alam semesta
 - D. konsep moden yang diterima sebagai cara hidup masa kini

Para ulama mengatakan, "akal itu adalah asas *naql (nash)*, iaitu untuk menegakkan *nash* hendaklah berasaskan sandaran akal, karena akal yang menetapkan bagi kita dua perkara terpenting dalam agama"

23. Dua perkara penting dalam agama sebagaimana pernyataan ayat di atas ialah

- i. takdir
- ii. hari kebangkitan
- iii. wujud allah swt
- iv. penetapan kenabian

- A. i dan iv
- B. ii dan iii
- C. iii dan iv
- D. semua di atas

"Istilah *nature-matter* dikaitkan *immanence* iaitu membawa maksud '*to dwell*' yang difahami sebagai beroperasi dengan apa sahaja dan membawa pengertian sama dengan '*self-contained*', '*self operating*' terhadap kehidupan"

24. Pilih jawapan yang paling tepat berdasarkan pernyataan di atas yang memberi gambaran bahawa

- A. berlaku anjakan paradigma dalam masyarakat Barat
- B. unsur Tuhan tidak campur tangan dalam kehidupan manusia
- C. pandangan terhadap dunia merupakan agama masyarakat moden
- D. perkembangan sains dan teknologi menyumbang kehidupan moden

25. Berikut adalah benar berkaitan fahaman modenism, **kecuali**

- i. al-Qur'an tidak benar kerana tidak sesuai dengan zaman moden
- ii. Islam sewajarnya dinilai menurut kesesuaiannya dengan sains moden
- iii. zaman moden menitikberatkan pembinaan akhlak dalam institusi pendidikan
- iv. melihat kepada dunia barat dan membuat inovasi beragama sesuai dengan zaman moden.

- A. i dan ii
- B. ii dan iii
- C. iii dan iv
- D. iii sahaja

26. Berikut adalah **benar** berkaitan dengan fahaman pendokong Rasionalisme
- i. kepercayaan agama seharusnya ditolak jika ia didirikan tanpa asas rasional
 - ii. kebebasan berfikir sebagai tunjang terhadap kemajuan sains dan teknologi
 - iii. agama sentiasa berubah seiring dengan perubahan zaman dan tidak ada kebenaran mutlak
 - iv. rasional dalam perkara ghaib melahirkan pandangan tentang hakikat kejadian manusia dan hakikat alam
- A. i dan ii
B. i dan iii
C. i dan iv
D. semua di atas
27. Berikut merupakan perbezaan di antara sosialisme dan komunisme, **kecuali**
- A. pekerja masih bebas memiliki pekerjaan
 - B. musuh utama kepada sosialis adalah kapitalis
 - C. kebebasan menjalankan aktiviti yang dijalankan secara persendirian
 - D. peluang menjadi ahli perniagaan dan mencari keuntungan sangat kecil

Imam Muhammad Abduh dalam Risalah Tauhid menjelaskan bahawa: "akal memerlukan bantuan, kerana terkadang ia diliputi dengan hal-hal yang kabur dalam menghukum perkara-perkara tertentu"

28. Pernyataan di atas membawa makna bahawa setiap manusia mengharapkan
- i. petunjuk hidayah dalam memandu akal
 - ii. jalan lurus yang ditunjuk oleh orang yang diberi nikmat Allah S.W.T.
 - iii. jalan yang ditunjukkan oleh Baginda Rasulullah s.a.w. dan para ulama'
 - iv. jalan yang dilalui oleh pemimpin agong dan pemimpin negara
- A. i, ii dan iii
B. i, iii dan iv
C. ii, iii dan iv
D. semua di atas

29. Berikut adalah **benar** berkaitan dengan pemahaman aliran Islam Liberal
- i. tetap mengutamakan kedudukan wahyu daripada akal
 - ii. penerimaan terhadap wahyu hendaklah berasaskan kepada penilaian akal yang rasional
 - iii. kebebasan akal tanpa batasan ditambah pula dengan perasaan syak dan ragu terhadap Islam
 - iv. tidak ada di dalam agama suatu yang dianggap kudus dan suci yang tidak boleh dikritik atau dipertikai
- A. i dan iv
B. ii dan iii
C. ii, iii dan iv
D. semua di atas
30. Falsafah sains pada satu tahap telah berjaya memainkan peranan sebagai ilmu alat, dengan gabungan unsur _____ yang diterjemahkan pula ke dalam sifat zahir teknologi dan kejuruteraan.
- i. plural
 - ii. liberal
 - iii. sekular
 - iv. rasional
- A. i dan ii
B. ii dan iii
C. ii dan iv
D. iii dan iv
31. Berikut adalah **benar** berkaitan dengan pendekatan pemesanan pemikiran oleh pihak Barat terhadap umat Islam
- i. memuliakan keperibadian mulia rasulullah SAW.
 - ii. mendedahkan cara hidup sebenar di dalam islam
 - iii. mempromosikan pemahaman kehidupan umat islam melalui ideologi moden
 - iv. menyalurkan pemahaman kehidupan moden yang bertentangan dengan al-Quran dan al-sunnah
- A. i dan iv
B. ii dan iii
C. iii dan iv
D. semua di atas

32. Pada kurun ke-19, kemajuan sains telah mencapai kemuncaknya sebagai *The Golden Age of Sciences*. Teori evolusi oleh Charles Darwin menjadi dasar kepada pemikiran dan pandangan hidup bahawa
- i. matlamat kehidupan adalah untuk mencari keseronokan
 - ii. teori ini sama sekali menolak adam sebagai manusia pertama
 - iii. manusia percaya bahawa segala sesuatu itu terjadi dengan sendirinya
 - iv. kebenaran itu hanya lahir apabila ia memberi manfaat kepada manusia
- A. i dan iv
B. ii dan iii
C. ii, iii dan iv
D. semua di atas
33. Berikut adalah **benar** berkaitan dengan halatuju ekonomi dalam Islam
- i. halatuju ekonomi islam membawa kepada konsep *al-falah*
 - ii. Islam meletakkan manusia sebagai khalifah bebas untuk menguasai harta
 - iii. segala bahan-bahan yang ada di bumi dan di langit adalah untuk manusia
 - iv. kejayaan ekonomi ada hubungannya dengan kehidupan dunia dan akhirat
- A. i, ii dan iii
B. i, iii dan iv
C. ii, iii dan iv
D. semua di atas
34. Berikut merupakan beberapa tujuan politik mengikut Islam, **kecuali**
- A. mengangkat pegawai yang cekap dan jujur
 - B. mengatur anggaran belanjawan dan perbelanjaan
 - C. melaksanakan hukuman berasaskan perlembagaan
 - D. mengendalikan urusan pengutipan cukai yang ditetapkan syara'
35. Berikut merupakan ciri-ciri nasionalisme, **kecuali**
- i. mengutamakan bangsa dalam segala perkara.
 - ii. lebih mengutamakan nilai-nilai murni untuk kepentingan bersama.
 - iii. mempunyai dasar kepentingan untuk semua kelompok bangsa dan negara.
 - iv. memandang sepi kepentingan golongan lain yang tidak sebangsa dengannya.
- A. i dan ii
B. ii dan iii
C. iii dan iv
D. semua di atas

36. Prinsip ekonomi _____ merupakan prinsip yang dominan dalam perjuangan hidup zaman moden.
- A. campuran
 - B. sosialisme
 - C. kapitalisme
 - D. komunisme
37. Marx menggambarkan kehidupan manusia diwarnai dengan _____ yang menjadi 'motor' kepada kemandirian sejarah.
- A. persamaan taraf
 - B. pertarungan kelas
 - C. persaingan ekonomi
 - D. pembangunan ekonomi
38. _____ merupakan tokoh intelektual zaman pencerahan yang secara terang-terangan menolak agama.
- A. Brahe
 - B. Galileo
 - C. Voltaire
 - D. Copernicus
39. Berikut merupakan elemen yang ditolak oleh Islam dalam sistem demokrasi, **kecuali**
- A. sistem pilihanraya dan parlimen
 - B. kedaulatan mutlak ditangan rakyat
 - C. keputusan majoriti sebagai kayu ukur kebenaran
 - D. mengeluarkan hukum berdasarkan akal semata-mata
- ⊙ Khalifah Abu bakar *dibaiah* setelah berlaku *musyawarah*
 - ⊙ Khalifah Umar dicalonkan oleh Abu Bakar sebelum beliau meninggal dunia
 - ⊙ Khalifah Uthman dan khalifah Ali bin Abu Talib melalui *musyawarah* yang berlainan sedikit mengikut keadaan dan situasi yang telah berubah
40. Pernyataan di atas lebih **tepat** menggambarkan hujah mengenai
- A. perubahan pendekatan pemilihan khalifah mengikut keadaan
 - B. menunjukkan kaedah berbeza dalam menentukan pemilihan khalifah
 - C. bai'ah merupakan ciri utama mendapat pengiktirafan kepimpinan umat Islam
 - D. tidak ada dalil tentang kaedah pemilihan khalifah selepas wafatnya Nabi SAW.?

BAHAGIAN B

Jawab 4 soalan daripada 6 pilihan soalan yang diberikan.

1. Terangkan pengertian Rabbani dan bagaimanakah ianya menjadi asas dalam kehidupan umat Islam? (10 markah)
2. Jelaskan perkembangan ideologi Kapitalisme dan hubungannya dengan kehidupan masyarakat Eropah? (10 markah)
3. Banding dan bezakan antara ideologi Humanisme dengan kefahaman Rabbani? (10 markah)
4. Huraikan bagaimana peranan ideologi Rasionalisme dan ideologi Liberalisme berkembang dalam masyarakat Islam? (10 markah)
5. Berikan cadangan terbaik untuk menyesuaikan sistem ekonomi berdasarkan kaedah Islam? (10 markah)
6. Bagaimanakah cara umat Islam menangani serangan pemikiran dalam kehidupan mereka? (10 markah)

- *Kertas Soalan Tamat* -